

PENERBITAN BERMUTU MASYARAKAT BERILMU

Kamus Digital DBP

Oleh Rohana Abdul Rahman


KARYANET merupakan portal atau gerbang web DBP yang dibina dalam versi bahasa Melayu mengandungi pelbagai ruangan, kemudahan dan perkhidmatan. Kemudahan secara dalam talian yang dilayari menerusi internet, memungkinkan banyak bahan bacaan dan rujukan dapat dipindahkan ke bentuk digital. Por-

tal ini boleh dilayari menerusi www.karyanet.com.my.

Kali ini, KaryaNet memfokuskan perkhidmatan mengakses bahan menerusi web iaitu, ruangan "Carian". Ruangan ini menyediakan kemudahan rujukan kepelbagaian kamus dan istilah serta buku dalam pelbagai bidang. Di antara contoh kamus yang boleh diakses seperti *Kamus Dewan*, *Kamus Komputer*, *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi - Sebutan - Jawi*, *Tesaurus Umum Bahasa Melayu*, *Peribahasa dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Bahan berbentuk rujukan ini dibina sedemikian rupa supaya pengguna dapat mencari padanan makna perkataan dalam bahasa Melayu dengan cepat. Dengan cara ini, bahan penerbitan DBP dapat disebarluaskan ke peringkat global. Berikut adalah contoh paparan *Kamus Dewan*, iaitu satu bahan rujukan utama yang sudah didigitalkan untuk pengguna laman Dewan.

Kemudahan secara dalam talian yang dilayari menerusi internet, memungkinkan banyak bahan bacaan dan rujukan dapat dipindahkan ke bentuk digital





KAMUS DEWAN

Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (Kementerian Pelajaran Malaysia)

Keputusan carian untuk **telefon**

Jumlah carian: **4**,
Masa carian: **0.4** saat.

Carian 1 hingga 4. Halaman 1

1.

telefon

(téléfon) **1.** = *pesawat* ~ alat utk bercakap dgn orang yg jauh (dgn menggunakan tenaga elektrik dan kawat atau hubungan satelit); *membuat panggilan* ~ menelefon; **2.** percakapan (panggilan) yg menggunakan alat tersebut: *suatu pagi Mustapha menerima ~ sewaktu dia baru benar sampai di markas polis*;
2.

telefon

~ telinga sj alat yg dipakai di telinga utk membolehkan seseorang mendengar siaran radio atau perhubungan *telefon*;
3.

telefon

ber telefon 1. mempunyai *telefon*; **2.** sedang bercakap melalui *telefon*;
4.

telefon

menelefon bercakap (memanggil) melalui *telefon*: *dia telah ~nya dan menceritakan apa yg terjadi*.

Halaman : 1

Carian Entri Kamus Dewan

Taip entri atau kata kunci yang ingin dicari:

PEDOMAN PENERBITAN

Penyuntingan Proses Pemurnian Manuskrip

SATU daripada bidang tugas editor DBP ialah melaksanakan kerja penyuntingan. Penyuntingan ialah proses pemurnian manuskrip dari aspek isi, bahasa, persembahan dan teknikal. Kerja penyuntingan terbahagi kepada dua iaitu Penyuntingan Substantif dan Penyuntingan Kপি.

Penyuntingan Substantif dilakukan untuk memastikan idea penulis dapat disampaikan secara tepat, padat dan jelas.

Dalam proses ini, editor akan membaca keseluruhan manuskrip sepintas lalu dengan memberikan tumpuan kepada isi kandungan dan bentuk persembahan secara menyeluruh.

Editor akan melihat aspek seperti hubungan tajuk dengan bab, kesesuaian idea bentuk persembahan, penguasaan bahasa, keselarasan istilah dan ejaan, maklumat berfakta yang mencukupi dan adanya sumber petikan yang dirujuk.

Manakala Penyuntingan Kপি melibatkan kerja penyuntingan yang amat teliti kerana editor perlu memberikan perhatian terhadap butiran manuskrip.

Editor perlu menyemak dengan membaca perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, baris demi baris dan kadangkala huruf demi huruf dengan merujuk bahan bantuan seperti kamus, buku tabahasa, pedoman istilah di samping menggunakan format sesuatu gaya penerbitan yang sesuai.

Oleh Rohana Abdul Rahman

Hamzah Fansuri: Pujangga Sufi Agung Melayu

SYEIKH Hamzah Fansuri ialah seorang ulama dan pujangga besar Melayu. Beliau ialah penyair Melayu pertama yang menggubah syair-syair bersifat agama. Hamzah Fansuri dipercayai dilahirkan pada akhir abad ke-16 di Barus atau Panchor, Sumatera Utara. Panchor disebut Fansur dalam bahasa Arab. Pada tahun 1726, Francois Valentijn dalam bukunya *Oud en Nieuw Oost-Indie* (Hindia Timur Lama dan Baharu) pada bab mengenai Sumatera, menyebut Hamzah Fansuri sebagai seorang penyair yang dilahirkan di Fansur.

Karya-karya Hamzah Fansuri telah dikaji oleh para sarjana Timur dan Barat iaitu Kraemaer, Doorenbos, Al-Attas, Teeuw, Brakel, Sweeney, Braginsky dan Abdul Hadi.

Kajian al-Attas yang merupakan analisis semantik dianggap sebagai

kajian yang paling menyeluruh dan hebat terhadap pegangan mistisisme Hamzah Fansuri.

Pada masa yang sama, kajian mereka ini telah memberikan penjelasan yang amat penting mengenai sumbangan Hamzah terhadap sastera Melayu.

Pemikiran dan pegangan Hamzah Fansuri terpancar dalam karya-karya beliau meliputi karya prosa dan puisi.

Hamzah adalah pengembang tarekat Wujudiyah. Gambaran tentang ajaran Wujudiyah ini dapat dikutip daripada karangan beliau Asrar al-Arifin dan Sharab al-Asyikin.

Fahaman ini beranggapan bahawa segala makhluk itu pada asasnya esa, kerana wujud daripada zat Allah.

Dalam hujahnya menerusi kitab-kitab ini, terkesan bahawa

Hamzah terpengaruh dengan faham Ibn Arabi, ahli tasawuf yang masyhur pada akhir abad ke-12 dan awal abad ke-13.

Selain itu, Hamzah turut menyisipkan dalam karangannya kutipan-kutipan ahli tasawuf

Karya-karya Hamzah Fansuri telah dikaji oleh para sarjana Timur dan Barat iaitu Kraemaer, Doorenbos, Al-Attas, Teeuw, Brakel, Sweeney, Braginsky dan Abdul Hadi

Parsi seperti al-Junaid, Mansor Hallaj, Jalaluddin Rumi, Abi Yazid Bistami, dan Shamsu Tabriz.

Karangan-karangan prosa Hamzah yang terpenting ialah *Asrar al-Arifin* (Rahsia Orang yang Bijaksana), *Sharab al-Asyikin* (Minuman Segala Orang yang Berahi) dan *Zinat al-Muwahidin* (Perhiasan Sekalian Orang yang Mengesakan).

Syair-syair beliau pula ialah *Syair Si Burung Pingai*, *Syair Si Burung Pungguk*, *Syair Sidang Fakir*, *Syair Dagang* dan *Syair Perahu*.

Melalui hasil karangannya, dijelaskan mengapa orang harus mencari Tuhan dan juga sebagai garis petunjuk untuk mencari Tuhan.

Syair-syair Hamzah sarat dengan estetika, ilmu dan falsafah

diolah berdasarkan pengaruh pantun menampakkan bahawa Hamzah menguasai puisi Parsi bersifat tasawuf dan memupuk rasa cinta akan Allah.

Hamzahlah penyajak Melayu pertama yang menggunakan syair dalam tulisan agama.

Winstedt mengatakan cara pemikiran Hamzah sesuai dengan pemikiran yang terdapat dalam karangan-karangan ahli-ahli falsafah, pujangga dan pengarang-pengarang besar Barat seperti St. Augustino (354-430), John Lyly (1553-1606), Francis Bacon (1561-1662), John Milton (1608-1674), Sydney Smith (1771-1845) dan lain-lainnya.

Pengiktirafan tersebut mewajarkan Hamzah Fansuri diangkat sebagai pelopor kesusasteraan Melayu moden di alam Melayu.

Oleh Muhamad Ikhran Fadhyly bin Hussin